

**SOALAN NO. 64****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** YANG BERHORMAT TUAN GOOI HSIAO LEUNG  
[ ALOR SETAR ]

**TARIKH :** 8 MAC 2018

**SOALAN :**

**YB Tuan Gooi Hsiao Leung [ Alor Setar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan menubuhkan satu jawatankuasa pilihan Parlimen bi-partisan untuk memperkenalkan undang-undang 'berita palsu' yang dicadangkan, dan sekiranya tidak, untuk menjelaskan kenapa.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada 17 Januari 2018 Kerajaan telah bersetuju untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa Khas Berkaitan Dengan Isu Penyebaran Berita Tidak Benar (Jawatankuasa Khas) untuk mengkaji keperluan menilai semula undang-undang sedia ada berkaitan dengan isu penyebaran berita tidak benar bagi menentukan tindakan penguatkuasaan yang lebih berkesan sesuai dengan perubahan teknologi maklumat.

Beberapa mesyuarat Jawatankuasa Khas telah diadakan yang dihadiri oleh wakil agensi-agensi Kerajaan berkaitan termasuk Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Jabatan Peguam Negara, Majlis Keselamatan Negara, Polis Diraja Malaysia, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia serta juga beberapa ahli akademik.

Pada 29 Januari 2018, Kerajaan juga telah bersetuju agar keahlian Jawatankuasa ini diperluaskan kepada ahli-ahli akademik daripada institusi pendidikan tinggi, beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) termasuk Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) dan Majlis Peguam Malaysia serta wakil-wakil rakyat dari kedua-dua belah pihak bagi memastikan inisiatif Kerajaan ini mendapat semua pandangan yang sewajarnya. Sehubungan dengan itu, bagi Mesyuarat Jawatankuasa yang

diadakan pada 13 Februari 2018, jemputan juga telah dikemukakan kepada antara lain, beberapa wakil-wakil rakyat untuk memberi pandangan dan cadangan terhadap isu berkenaan penyebaran berita tidak benar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Jawatankuasa Khas akan terus mengadakan perbincangan dan konsultasi yang berterusan dengan semua pihak-pihak berkepentingan termasuk wakil-wakil rakyat dalam memuktamadkan cadangan Rang Undang-Undang ini.

Pada masa yang sama, Kerajaan mengalu-alukan sebarang idea dan cadangan daripada mana-mana orang termasuk wakil-wakil rakyat dalam memperkenalkan Rang Undang-Undang berhubungan dengan berita tidak benar.

Sekian, terima kasih.